



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**NOTIS PELAWAAN TAWARAN TENDER
PADA 02 FEBRUARI 2024**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai tender berikut:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	KETETAPAN TAKLIMAT
T/SUKNS/ BIL.1/2024	Perkhidmatan Pembangunan Sistem Pengurusan Sumber Air (SPSA) Badan Kawal Selia Air, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Peringatan : Kehadiran taklimat adalah diwajibkan	210101 210102 210104 210105	RM100.00 setiap satu borang	Tarikh: 06 Februari 2024 (Selasa) Masa: 10.00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Kenanga, Tingkat 1, Blok B, Wisma Negeri

Dokumen tender boleh didapati mulai **06 Februari 2024 (Selasa, selepas sesi taklimat tender dilaksanakan) hingga 23 Februari 2024 (waktu pejabat 9.00 pagi – 4.00 petang)** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen tender.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari, 28 Februari 2024 (Rabu)**. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan boleh mengadakan **rundingan** dengan petender (jika perlu) selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 2.2).